

**PENGURUSAN FATWA DI NEGARA-NEGARA NUSANTARA:  
PENUGURUSAN FATWA DI KEMBOJA**

**(KOD: PPPP. INFAD / H / 2004)**

**KETUA PENYELIDIK:**

**DR. ADNAN BIN MOHAMED YUSOFF**

**PENYELIDIK BERSAMA:**

**WAN ABDUL FATTAH BIN WAN ISMAIL  
HISHAM BIN SABRI**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
MAC 2006**

Perpustakaan KUIM



1000025608

**Laporan Penyelidikan**

**PENGURUSAN FATWA DI NEGARA-NEGARA NUSANTARA:  
PENUGURUSAN FATWA DI KEMBOJA**

**(KOD: PPPP. INFAD / H / 2004)**

**Ketua Penyelidik:**

**DR. ADNAN BIN MOHAMED YUSOFF (S 353)**  
**(Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah)**  
**Tel: 06- 798 8404**  
**Emel:adnany@admin.kuim.edu.my.**

**Penyelidik Bersama:**

**WAN ABDUL FATTAH BIN WAN ISMAIL (S368)**  
**(Fakulti Syariah dan Undang-Undang)**  
**Tel: 06 798 8504**  
**Email: wanfattah@ admin.kuim.edu.my**

**HISHAM BIN SABRI (S347)**  
**Tel: 06 798 8743**  
**Email: hishams@admin.kuim.edu.my**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**  
**Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan**  
**Web Site: [www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)**

**MAC 2006**


## PENGAKUAN

Kami akui bahawa keseluruhan isi penyelidikan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya kami jelaskan sumbernya.

Tarikh: 5 Mac 2006

Tandatangan

Ketua Penyelidik:



Dr. Adnan Bin Mohamed Yusoff

Penyelidik Bersama:



Wan Abdul Fattah Bin Wan Ismail



Hisham Bin Sabri

## PRAKATA

Alhamdulillah segalan puji bagi Allah SWT tuhan bagi sekalian Alam, Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW nabi dan rasul akhir zaman yang membawa rahmat dan petunjuk bagi sekalian alam, ahli keluarga baginda r.a, para sahabat r.a dan seluruh para ulamak-ulamak Islam yang terdahulu sehingga ke hari pembalasan.

Bersyukur kehadiran Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat dan petunjuk daripada-Nya dapat kami menyiapkan penyelidikan ini. Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengetahui pengurusan fatwa di Kemboja secara lebih lebih terperinci. Sememangnya tidak dapat dinafikan kekacauan politik, umat Islam sebagai golongan minoriti, kemiskinan, kelemahan kemudahan perhubungan awam dan telekomunikasi menyebabkan pengurusan fatwa di Kemboja agak ketinggalan berbanding negera-negara Islam lain di Asia Tenggara. Namun berkat kesungguhan dan keikhlasan dari umat Islam di sana perkembangan pengurusan fatwa semakin berkembang.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Jabatan Mufti di Kemboja khususnya Okhna Haji Kamaruddin Bin Yusoff Mufti Kemboja, Y.B. Tuan Haji Zakaryya Adam Timbalan Menteri Agama Kemboja, Encik Azhar, kaitangan kedutaan Malaysia di Kemboja, para pembantu khas mufti dan semua kakitangan pejabat mufti, kerana telah banyak memberi maklumat bagi menyiapkan penyelidikan ini. Tidak ketinggalan buat isteri dan anak-anak tersayang yang telah banyak memberi semangat dan peransang serta memahami kesibukan kami.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) terutamanya Istitut Penyelidikan dan Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD) serta Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Pengurusan Persidangan (PPPP) yang telah memberi kepercayaan kepada kami untuk menyiapkan penyelidikan ini. Akhir sekali terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam penyelidikan kami samada secara langsung atau tidak langsung serta hanya Allah SWT sahaja yang paling layak untuk membalas jasa-jasa kalian.

## ABSTRAK

Penyelidikan yang bertajuk pengurusan “Fatwa di Negara-Negara Nusantara – Pengurusan Fatwa di Kemboja”, merupakan salah satu usaha pengumpulan maklumat pengurusan-pengurusan fatwa yang dilakukan oleh Institut Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD). Matlamat kajian ini dibuat adalah untuk berkongsi pengalaman dan maklumat dengan pihak pengurusan fatwa di Kemboja samada dari bentuk organisasi atau proses pengeluaran fatwa serta melihat sejauhmana perjalanan dan aktiviti yang berkaitan dengan fatwa di negara tersebut kerana ia merupakan sebuah negara minoriti. Dengan kajian ini diharapkan akan memantapkan lagi pengurusan fatwa khususnya di Malaysia dan di seluruh dunia amnya. Penyelidikan ini telah menggunakan dua kaedah penyelidikan: Pertama kaedah penyelidikan perpustakaan dan teknologi ICT yang tertumpu kepada pengumpulan dari sejarah kedatangan dan perkembangan Islam dan sosio-masyarakat Islam di Kemboja. Kedua: kaedah penyelidikan lapangan dari pengumpulan data melalui temubual pihak-pihak tertentu seperti Mufti Kemboja, pegawai-pegawai tertinggi di dalam kerajaan yang menguruskan hal orang Islam di Kemboja, pegawai-pegawai pejabat mufti dan individu-individu tertentu samada yang terlibat secara langsung dengan pengurusan di pejabat mufti ataupun sebaliknya. Dapatan kajian merumuskan, pengurusan fatwa di Kemboja masih memerlukan penambahbaikan terutama dengan mengatasi masalah kekurangan pakar-pakar yang boleh dirujuk samada melibat hukum hakam atau profesional. Selain itu mereka juga masih kekurangan dari segi bahan-bahan rujukan dan kemudahan ICT. Keadaan ini berlaku kerana umat Islam di Kemboja baru saja bebas dari cengkaman kezaliman pemerintahan komunis dan keadaan inilah yang menyebabkan pengurusan fatwa di sini agak ketinggalan berbanding negara-negara lain di Asia Tenggara.

## ABSTRACT

The research entitled Management Fatwa in Nusantara Countries: fatwa Management in Cambodia is perform to collect information of fatwa management for INFAD. The objective of this research is to share experience and information of fatwa management in Cambodia in relation to its organizational structure as well as edictment process. In addition, the research also interested to know how far the fatwa activities has been applied in the life of muslims, as the minority in Cambodia. This research also is to strengthen the fatwa management in Malaysia and throughout the world. Two approaches have been used in this research; in the preliminary stage involved searching materials from libraries as well as through the ICT technology. In this stage, it include collecting the information regarding the history, development an Islamic society in Cambodia. The second stage, involved field research through data gathering from interview with mufti, higher officers and other relevant parties. Based from the findings, it can be concluded that the fatwa management in Cambodia need some improvement. Management in Cambodia is found to be left behind from the other region in South East Asia. Lack of expertise in fiqh and profesional body has been identified. As the main problem are lack of relevant resources such as reference book and ICT infrastructure. This may due to the conflict faced by the muslim community in Cambodia whom just obtained their freedom from the communist administration.

## DAFTAR KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
Pengakuan	i
Prakata	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Daftar Kandungan	v

### BAB 1

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Permasalahan Kajian	1
1.2 Matlamat Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Skop Kajian	3
1.5 Hipotesis	4
1.6 Metodologi Kajian	4
1.7 Sorotan Literatur	5

### BAB 2

<b>LATAR BELAKANG KEMBOJA SECARA UMUM</b>	6 – 31
Pengenalan	6
2.1 Tranformasi Budaya Melayu Champa: Satu perspektif Sejarah	8
i) Kelompok Bangsa Melayu Champa	9
ii) Kelompok Bangsa Melayu Champa Bani	9
iii) Kelompok Bangsa Melayu Champa Jat	10
2.2 Penghapusan Budaya dan Etnik Bangsa Melayu Champa oleh Khmer Rouge	11
2.3 Undang-Undang dan Institusi yang Memajukan Umat Islam di Kemboja	12
2.4 Strategi Pemantapan Budaya Islam Bangsa Melayu Champa di Kemboja	13
i) Strategi Pertama: Pendidikan	14
ii) Strategi Kedua: Politik	14
iii) Strategi Ketiga: Ekonomi	14
2.5 Sejarah Perkembangan Islam Di Kemboja	15

2.6 Kemasukan Islam Di Kemboja	19
2.7 Keadaan Masyarakat Islam Kemboja Di Zaman Pemerintahan Rejim Pol Pot	23
2.8 Keadaan Masyarakat Islam Kemboja Selepas Era Pol Pot	27

### **BAB 3**

#### **PENGURUSAN FATWA DI KEMBOJA**

3.1 Sejarah Penubuhan Institusi Fatwa Di Kemboja	32
3.2 Modus Operandi Organisasi Fatwa Di Kemboja	36
3.2.1 Struktur Organisasi Fatwa Di Kemboja Peringkat Dalam	36
i. Kelayakan Dan Peranan Mufti/Ajk Fatwa	38
ii. Penglibatan Pakar Bukan Agama Di Dalam Proses Pengeluaran Fatwa	40
iii. Kadar Keckerapan Mesyuarat AJK	40
iv. Semakan Terhadap Fatwa Yang Dikeluarkan	40
v. Hubungan Fatwa Dengan Sistem Undang-Undang Negara.	41
vi. Mekanisme, Proses , Kaedah Pengeluaran Fatwa Yang Digunakan	43
vii. Proses Pengeluaran Fatwa	46
viii. Proses Pendokumentasian Fatwa Yang Digunakan Dan Jangka Masa Sesuatu Fatwa Dikeluarkan.	49
3.2.2 Struktur Organisasi Fatwa Di Kemboja Peringkat Luaran	49
3.3 Penggunaan ICT Dalam Pengeluaran Dan Pengurusan Fatwa.	49
3.4 Impak Islamisasi Dalam Sosio Budaya Masyarakat Kemboja	50

### **BAB 4**

#### **ANALISIS DAN CADANGAN**

4.1 Pemantapan Organisasi	51
4.1.1 Keahlian Majlis Fatwa	53
4.1.2 Proses Pengeluaran Fatwa dan Pendokumentasian	58
4.1.3 Mewujudkan Carta Alir	58
4.1.4 Perincian Bidang Tugas	62
4.1.5 Mewujudkan Undang-Undang Khusus Dalam Pengeluaran Fatwa.	62
4.1.6 Pindaan, Pengubahsuaian atau Pembatalan Fatwa	62
4.1.7 Pemilihan Qaul Muktamad Dalam Pengeluaran Fatwa	63
4.1.8 Fatwa Yang Disiarkan Dalam Warta Adalah Mengikat	63

4.2 Mengadakan Hubungan Erat Dengan Negara-Negara Islam.	64
4.3 Penyelesaian masalah kekangan kewangan	66
4.4 Cadangan penambahbaikan ICT	69
4.4.1 Penambahbaikan dan <i>Upgrading</i> Laman Web MAPIK	71
4.4.2 Cadangan Perluasan Sub-Unit	72
<b>Rumusan Dan Kesimpulan</b>	74
<b>Rujukan</b>	76
<b>Lampiran</b>	78

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

Kemboja adalah salah sebuah negara minoriti umat Islam di Nusantara. 90% daripada 11.4 juta penduduknya menganut agama Budha, 6% daripadanya pula menganut agama Islam, manakala bakinya pula menganut agama Kristian Katholik dan lain-lain. ([http://www.islamtoday.net/articles/show\\_articles\\_content.](http://www.islamtoday.net/articles/show_articles_content.)) Mengikut perlembagaan Kemboja, agama rasmi negara ialah Budha. Walaubagaimanapun penganut agama lain terutama Islam diberikan kebebasan sepenuhnya untuk mengamalkan agama mereka, berbeza dengan sesetengah negara minoriti lain di rantau ini.

Justeru, pembangunan Islam di negara ini berkembang pesat melalui berbagai institusi seperti pendidikan, kebajikan, dakwah, ibadat dan sebagainya. (Ibid.) Bermula dari tahun 2002, segala aktiviti dan semua urusan berkaitan agama Islam yang sebelum ini diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Islam, Kementerian Agama dan Minoriti Kemboja, (Ibid.) diletakkan di bawah Jabatan Mufti Kemboja. Manakala jawatan Mufti ini pula dilantik terus oleh Raja Kemboja sendiri.

### 1.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Jabatan Mufti merupakan sebuah institusi terpenting bagi masyarakat Islam di Kemboja. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pengeluaran fatwa semata-mata, malah lebih dari itu, ia juga turut berperanan dalam memelihara kebebasan golongan minoriti Islam untuk berpegang dan beramal dengan agama mereka, memberikan penjelasan kepada masyarakat umum Kemboja tentang ajaran Islam yang sebenar, seterusnya menjadi penghubung antara masyarakat Islam dengan pihak kerajaan.

Kedudukan Mufti dalam struktur pemerintahan Kemboja adalah setaraf dengan Sami Budha yang merupakan pemimpin tertinggi agama rasmi negara. Justeru, Mufti mempunyai pengaruh dan peranan yang besar dalam menentukan sikap masyarakat umum dan pihak kerajaan terhadap masyarakat Islam yang berusaha mengamalkan tuntutan agama atau fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ulama mereka. Sebagai contoh, wanita Islam yang melalui kawasan Kuil Budha sebelum ini tidak dibenarkan memakai tudung sebagai tanda penghormatan kepada rumah ibdata tersebut, namun pada hari ini

hasil penerangan dan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Mufti, wanita Islam bebas bertudung walaupun di kawasan kuil. (Temubual bersama Sahib al Smāhah Ouknha Haji Kamaruddin bin Yusoff, Mufti Kemboja, 8 Oktober 2004.)

Walaubagaimanapun, adakah semua ajaran Islam dan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti mendapat respon yang baik daripada masyarakat dan kerajaan Kemboja serta apakah bentuk usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Mufti bagi memastikan masyarakat Islam dapat mengamalkannya dengan penuh kebebasan, adalah sesuatu yang menarik untuk dikaji. Misalnya, dalam polisi menggalakkan masyarakat bandar memakan daging anjing liar yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan sebagai langkah mengatasi masalah anjing liar yang berkeliaran dalam bandar. (al Watan, 12 September 2003)

Selain itu, sebagai sebuah negara yang masih belum mencapai taraf kemajuan yang setanding dengan negara-negara jiran yang lain dari sudut infrastruktur, pendidikan, ekonomi dan sebagainya, aspek-aspek berkaitan pengurusan dan proses pengeluaran serta pewartaan fatwa di negara ini juga perlu dikaji bagi meningkatkan lagi nilai dan keberkesanan fatwa-fatwa yang dikeluarkan, di samping memberikan pendedahan kepada pihak-pihak yang terbabit mengenai kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam institusi fatwa di Kemboja, serta kekuatan dan kelebihan yang ada padanya ke arah mewujudkan satu jalinan kerjasama antara institusi-institusi fatwa di rantau ini.

## 2.0 MATLAMAT KAJIAN

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji pengurusan fatwa di Kemboja serta melihat sejauhmana perjalanan dan aktiviti yang berkaitan dengan fatwa di negara tersebut kerana ia merupakan sebuah negara minoriti.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif utama kajian ini ialah:

1. Mengetahui mekanisma penetapan dan pengurusan fatwa di Kemboja.
2. Mengenal pasti metod dan langkah yang digunakan untuk menyebarkan fatwa kepada masyarakat.
3. Mengetahui sistem penguatkuasa fatwa di Kemboja dan hubungannya dengan keputusan yang diambil oleh pemerintah.
4. Mengkaji aspek penggunaan ICT dalam sistem pengurusan dan penyebaran fatwa.
5. Memperkaya khazanah pengetahuan tentang pengurusan fatwa bagi umat Islam.
6. Mengenal pasti aktiviti mengurus fatwa selepas diwartakan dan melihat adakah berlaku proses penelitian semula terhadap fatwa yang telah diwartakan.

### 4.0 SKOP KAJIAN

Pengurusan fatwa amat penting dalam menjamin kesejahteraan umat Islam khususnya serta negara Islam umumnya. Kelancaran pengurusan fatwa disesebuah negara bergantung kepada proses pengurusan fatwa terutamanya dalam membincangkan isu-isu yang berbangkit yang mana ianya memerlukan kajian yang terperinci sebelum ia diwartakan.

Justeru itu kajian akan mengenal pasti sejauhmana kelancaran pengurusan fatwa di Kemboja bermula dari timbulnya permasalahan sehinggalah diwartakan. Kajian ini juga akan melihat sejauhmana setiap fatwa yang telah diwartakan akan dikuat kuasakan di samping mengenal pasti pihak yang bertanggung jawab dalam memkuatkuasakan fatwa tersebut. Sekiranya fatwa itu diwartakan adakah penduduk Islam di Kemboja terikat dengan fatwa tersebut atau ia sekadar menerangkan hukum Allah berdasarkan permasalahan yang dikemukakan oleh orang ramai.

Timbul persoalan sekiranya fatwa yang dikeluarkan terikat kepada semua penduduk islam di Kemboja apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang

tidak mematuhi fatwa sebagaimana yang telah diwartakan. Permasalahan ini perlu dikaji secara mendalam kerana kelancaran dan kelicinan pengurusan fatwa itu bergantung dalam semua aspek terutama dari segi isu yang dibincangkan sehinggalah diwartakan termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan perlaksanaannya.

Kajian ini menumpukan kepada pengkajian pengurusan fatwa serta struktur organisasi jawatankuasa fatwa di Kemboja yang merupakan sebuah negara minoriti. Skop kajian ini tertumpu kepada aspek prosedur pengurusan fatwa di Kemboja. Kajian ini juga akan mengenal pasti aktiviti yang dijalankan oleh jawatan kuasa fatwa dari segi pengumpulan fatwa dan sumbernya dan serta melihat sejauhmana penggunaan teknologi maklumat dalam memastikan kelancaran dan kelicinan pengurusan fatwa di Kemboja.

## 5.0 HIPOTESIS

Pengurusan fatwa diakhir ini mestilah dilihat dari sudut perkembangan semasa. Dengan kemodenan yang menguasai dunia ketika ini, pengurusan fatwa juga akan mengalami perubahan yang selari dengannya. Justeru pengurusan fatwa hendaklah diawasi dan diseliaikan oleh mereka yang mempunyai kemahiran dalam bidang teknologi. Walaupun begitu perkara utama dalam pengurusan fatwa ialah pengetahuan dan penguasaan dalam bidang agama.

## 6.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan beberapa method:

1. Kajian perpustakaan, dengan mengumpul bahan dan data serta melakukan analisis terhadap masalah yang berkaitan dengan sejarah serta fungsi organisasi ini terutama yang berhubung kait dengan mekanisma pengurusan fatwa.
2. Kajian lapangan, metode ini akan dijalankan melalui dua cara iaitu teknik temuramah dan observasi. Penyelidik akan cuba menemuramah ahli fatwa dari tiga organisasi tersebut untuk mendapatkan input yang lebih tepat dan muktamad secara terkini. Penyelidik juga berusaha untuk menghadiri sesi perbincangan untuk mengeluarkan

fatwa untuk mendapatkan pengalaman bagaimana proses sesebuah fatwa dikeluarkan dan seterusnya dikuatkuasakan oleh organisasi bersangkutan.

## **7.0 SOROTAN LITERATUR**

Selepas penelitian dilakukan, didapati pengurusan fatwa di Kemboja masih belum dilakukan kajian. Namun terdapat satu himpunan kertas kerja berkaitannya yang dikeluarkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia bertajuk “Mufti Dan Fatwa Di Negara-negara Asean” suntingan Abdul Monir Yaakob dan Wan Roslili Abd. Majid. Kertas kerja ini banyak menjurus kepada perlaksanaan sistem pengurusan fatwa di negara-negara Asean. Namun bia boleh dijadikan sebagai perbandingan bagi mengenal pasti perlaksanaan sistem tersebut di Kemboja.

# BAB DUA

## 2.0 Latar Belakang Kemboja Secara Umum

### Pengenalan


Umat Islam Melayu Champa mula berhijrah ke Kemboja dari negara Champapa sejak abad ke-15 Masihi. Negara Champapa kini telah pun menjadi sebahagian daripada wilayah negara Vietnam. Nasib umat Islam di Kemboja sejak abad ke-15 Masihi hingga ke hari ini masih terumbang-ambing sama seperti nasib bangsa Khmer yang merupakan golongan majoriti di Kemboja.

Bangsa Melayu Champa dan juga agama Islam di Kemboja menempuhi pelbagai arus perubahan politik dan kesengsaraan. Sebagai golongan minoriti, bangsa Melayu Champa terhimpit dalam kancah politik perebutan kuasa istana yang kemudiannya diikuti oleh penjajahan Perancis pada akhir abad ke-19, penjajahan Jepun pada Perang Dunia Kedua, pergolakan Indo-China tahun 50 dan 60-an dan seterusnya diikuti dengan kekejaman pemerintahan rejim komunis Khmer Rouge pada tahun 1975-1979. Nasib bangsa Melayu Champa hanya mula terbela selepas jatuhnya rejim komunis Khmer Rouge dan pemeteraian Perjanjian Damai 1992 anjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kini umat Islam bebas mengamalkan agama dan budaya mereka. Selain itu mereka juga turut aktif dalam berpersatuan serta terlibat secara langsung dalam kancah politik negara Kemboja.

Kemboja menjadi negara ke sepuluh ASEAN pada April 2000. Ia bersempadan dengan Thailand di Barat, Laos di Utara dan Vietnam di Timur dan Selatan. Keluasan tanah adalah 181,035 KM persegi dengan jumlah penduduk seramai 12.7 juta orang yang majoriti penduduknya bergantung kepada sumber pertanian dan perikanan. Ia mempunyai 24 buah wilayah dimana majoriti penduduknya adalah berbangsa Khmer dengan beberapa etnik minoriti seperti bangsa Melayu Champa dan lain-lain.

Walaupun agama rasmi Kemboja adalah agama Buddha, kebebasan beragama juga diberikan kepada agama-agama lain. Majoriti rakyat Kemboja adalah berbangsa Khmer yang beragama Buddha (95%), bangsa Melayu Champa yang beragama Islam (4%), Kristian dan sebagainya (1%).

Peta 1: kedudukan negara kemboja dalam peta ASEAN



Peta 2: kedudukan wilayah-wilayah di negara kemboja



## 2.1 Tranformasi Budaya Melayu Champa: Satu perspektif Sejarah

Kajian etnografi menunjukkan bahawa masyarakat Champapa adalah serumpun dengan masyarakat Melayu-Polinesia. Bermula dari abad ketiga, pengaruh budaya Hindu telah meresap ke dalam seluruh institusi sosial dan politik bangsa Melayu Champapa. Ini merupakan sebahagian daripada perkembangan pengaruh budaya Hindu ke seluruh nusantara Melayu dan kemudiannya disusuli dengan pengaruh Buddhisme.

Dalam satu peperangan yang berlaku pada tahun 605 Masihi di antara Kerajaan Champapa dengan China, bala tentera China telah merampas sebanyak 1350 karya berkenaan Buddhisme yang berbahasa Champapa. Ini menunjukkan ketinggian ilmu bangsa Champapa berkenaan hal-hal filsafat. Asimilasi budaya Hindu-Buddhisme dengan budaya setempat berlaku dengan transformasi tuhan-tuhan setempat yang dijadikan dewa-dewa Hindu. Contohnya Po Ino Nagar Dewi Negara Nhatrang menjadi Uma, Isteri Siva yang dipuja seperti berikut:

"...kaulah milik Mahadewa segala yang ada dan tiada, hakikatmu sesungguhnya asal mula kehidupan di bumi..."

"manunggal dengan yang ada dan yang tiada di dunia, asal mula kemungkinan untuk ada dan tiada, bertubuh belahan Siva yang bermahkotakan bulan, wahai Kau yang berperawakan indah, wahai Kau sebahagian Mahadewa. Wahai Yang Berbahagia, jadilah berkat kesaktianMu seakan-akan penaklukan kami yang bersujud di hadapanMu".

Namun pada masa yang sama, Islam telah mula untuk membina pengaruhnya yang tersendiri. Batu bersurat dengan tulisan arab membuktikan bahawa Islam sudah mula bertapak pada tahun 1039 Masihi di Kemboja. Pertembungan di antara budaya Hindu-Buddhisme dengan Islam berlaku dalam pergolakan politik yang getir di seluruh Indo-China pada masa itu.

Pada tahun 1178 Masihi, Raja Champapa telah menyerang ibukota Raja Khmer di Angkor menyebabkan Raja Khmer menyusun kekuatan dan berjaya membunuh Raja Champapa. Seterusnya pada tahun 1371 Masihi, armada laut Champapa telah menyerang dan menawan ibu kota Vietnam. Dan pada tahun 1471 Masihi, Champapa mengalami kekalahan yang besar. Raja Vietnam menyerang Vijaya iaitu kubu kekuatan Champapa dengan bala tentera seramai 250 ribu orang. Kejatuhan kerajaan Champapa menyebabkan penghijrahan orang-orang Champa ke seluruh Nusantara Melayu. Dua orang putera Champapa berhijrah jauh. Seorang ke Aceh dan seorang ke Melaka dan tinggal di istana Sultan Mansur Shah (1456-1477M).

Kerajaan Champa bukanlah satu kerajaan yang tunggal. Ia terdiri daripada kelompok-kelompok kuasa yang berbeza. Catatan Portugis pada tahun 1595 Masihi menceritakan Raja Champapa sebagai seorang Islam yang taat kepada ajaran Nabi Muhammad s.a.w. Pada tahun 1675 Masihi, hampir keseluruhan rakyat Champapa telah menganuti agama Islam. Namun begitu pertembungan budaya antara Islam dan Hindu-Buddhisme telah membahagikan bangsa Champapa kepada tiga kelompok yang besar iaitu:

#### **i) Kelompok Bangsa Melayu Champa**

Kelompok ini menganuti agama Islam secara menyeluruh. Kelompok ini berpegang kepada aliran mazhab Syafie dan berteraskan budaya Melayu. Masyarakat Melayu Champa merupakan kelompok majoriti pada ketika ini yang terdiri daripada umat Islam Champa di negara Kemboja dan juga Vietnam.

#### **ii) Kelompok Bangsa Melayu Champa Bani**

Kelompok ini menganut agama Islam dengan unsur-unsur batiniyah Hindu yang masih kuat. Sekumpulan dari mereka telah berhijrah ke Kemboja apabila wilayah Phang Rang di Vietnam jatuh ke tangan bangsa Vietnam pada tahun 1693M. Mereka terdiri daripada golongan bangsawan Champapa.

### iii) **Kelompok Bangsa Melayu Champa Jat**

Kelompok ini masih berpegang kepada ajaran-ajaran bukan Islam yang merupakan golongan yang minority yang terdapat di Vietnam. Pertembungan budaya di antara Islam dan Hindu-Buddhisme dipaparkan dalam satu manuskrip Melayu-Champapa yang dinamakan "Nai Mai Mang Makah", tuan puteri dari Kelantan. Manuskrip ini merupakan satu manuskrip yang berbentuk puisi menceritakan kisah ziarah puteri Kelantan ke Champapa yang berkemungkinan berlaku pada hujung abad ke-17. Manuskrip ini menzahirkan keluhan puisi putera Champapa yang bergelora didalam jiwanya untuk tatapan puteri Islam dari Kelantan. Ia berkisar tentang rasa keterikatan dan proses asimilasi budaya nenek moyang mereka. Kesannya, maka lahirlah keluhannya seperti berikut:-

"Aku kebingungan sesudah masuk ke masjid, aku kembali ke candi kedewaan (nenek moyangku)"-Bait 160.

Putera raja itu tidak sanggup untuk mengikut syarat yang ditetapkan oleh puteri Kelantan itu iaitu;

"Kalau kau jatuh cinta padaku jadikanlah penyebar Islam dan aku jadi milikmu" -Bait 70.

Pada masa kini, sungguhpun fahaman dan amalan agama bangsa Melayu Champa terpelihara namun pengaruh-pengaruh dominan kebudayaan Khmer menimbulkan kerisauan kerana dikhuatiri mempengaruhi golongan-golongan anak muda Champa. Perjuangan Memelihara Kebudayaan dan Agama Bangsa Melayu Champa di Kemboja Bangsa Melayu Champa sering menghadapi suasana getir dalam usaha untuk memelihara kebudayaan dan agamanya. Ini disebabkan kelemahan asas umat Islam dalam arena politik dan ekonomi di Kemboja. Sungguhpun begitu, struktur masyarakat Melayu Champa adalah tersusun mengikut budaya Melayu dan tuntutan agama Islam.

Masjid merupakan institusi utama yang menyatupadukan masyarakat Melayu Champa yang tinggal di sepanjang sungai Mekong, terletak di bahagian Timur Kemboja serta bersempadanan dengan Vietnam. Imam masjid serta guru agama merupakan pemimpin masyarakat tempatan yang paling berpengaruh.

Umumnya bangsa Melayu Champa terpinggir dalam kancah politik negara sejak peperangan di Kemboja tercetus pada tahun 1970. Raja Sihanouk telah digulingkan oleh Jeneral Lon Nol yang mengakibatkan berlakunya perang saudara. Kesan daripada peperangan ini, umat Islam tersepit di antara kedua-dua pihak. Raja Sihanouk telah mendapat sokongan dari negara China Komunis melalui Parti Komunis Kemboja yang dipimpin oleh Pol-Pot. Manakala Jeneral Lon Nol mendapat sokongan dari Amerika Syarikat yang bermotifkan kepentingan strategi dan geopolitik di Indo-China. Kesengsaraan rakyat Kemboja terutamanya bangsa Melayu Champa amat ketara di waktu ini.

## **2.2 Penghapusan Budaya dan Etnik Bangsa Melayu Champa oleh Khmer Rouge**

Pemerintahan rejim komunis Khmer dari tahun 1975 hingga 1979 merupakan peristiwa hitam bagi umat Islam di Kemboja. Nisbah umat Islam yang dibunuh adalah amat tinggi dan sebahagian besar daripadanya adalah dari golongan malim Islam.

Pembunuhan para pemimpin Islam ini kemudiannya diikuti dengan pembunuhan beramai-ramai umat Islam terutamanya di sebelah Timur Sungai Mekong. Dianggarkan hampir 30% daripada bilangan penduduk Champa di Kemboja mati di tangan rejim Khmer Rouge. Nisbah ini merupakan angka yang tinggi berbanding dengan kumpulan etnik lain di Kemboja. Anggaran penduduk Islam Kemboja ialah seperti berikut:

Tahun	Anggaran Penduduk Islam
1874	25,599
1936	88,000
1975	250,000

Pada tahun 1975-1979 dianggarkan 75,000 umat Islam dibunuh oleh rejim Khmer Rouge sungguhpun terdapat anggaran yang lebih tinggi daripada ini. Unjuran penduduk seluruh Kemboja berdasarkan kadar pertumbuhan penduduk 2.49% setahun ialah seperti berikut:

Tahun	Anggaran Penduduk Islam
2001	13,100,000
2006	14,800,000
2011	16,600,000

### 2.3 Undang-Undang dan Institusi yang Memajukan Umat Islam di Kemboja

Kejatuhan Pol Pot memulakan era baru dalam senario politik negara Kemboja. Bangsa Melayu Champa dan agama Islam mula diberi pengiktirafan secara rasmi oleh pemerintah baru Kemboja di bawah pimpinan Hun Sen. Umat Islam dibenarkan untuk mempelajari ilmu agama di kampung masing-masing. Sebanyak 122 masjid, 200 musala dan lebih kurang 300 kelas-kelas fardu ain yang dimusnahkan semasa pemerintahan rejim.

Malah beberapa pegawai yang beragama Islam telah dilantik ke dalam Jabatan Kementerian Agama untuk menjaga hal-ehwal agama Islam. Namun begitu umat Islam di Kemboja terpisah daripada umat Islam di seluruh dunia. Perkara ini berlaku disebabkan pada ketika itu Kemboja telah dikenakan sekatan ekonomi dan politik oleh negara-negara Barat.

Keadaan mula berubah apabila perjanjian damai ditandatangani oleh puak-puak yang berbalah di Kemboja. Dua parti politik besar muncul iaitu Cambodian People Party (CPP) di bawah pimpinan Hun Sen dan Funcinpec di bawah pimpinan Putra Norodom Ranarith. Pilihanraya pertama diadakan pada tahun 1993 dan satu kerajaan campuran telah terbentuk.

Pencapaian utama daripada kerajaan campuran ini ialah penubuhan semula Institusi Mufti Kemboja yang terhenti semasa pemerintahan rejim Khmer Rouge. Pemilihan imam-imam masjid telah dibuat dan disusun secara sistematik. Perlembagaan negara telah digubal untuk membolehkan kebebasan beragama dan ajaran agama diamalkan oleh rakyat jelata. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan sokongan peribadi Perdana Menteri Hun Sen dan Putra Norodom Ranarith terhadap perkembangan amalan dan ajaran Islam di kalangan bangsa Melayu Champa. Kebebasan yang ada telah membuka ruang kepada umat Islam untuk aktif berpersatuan dan berpolitik mengikut lunas-lunas perlembagaan. Umat Islam mempunyai wakil-wakilnya dalam pelbagai parti politik yang ada di Kemboja.

Pilihanraya 1998 telah menghasilkan ramai ahli politik yang beragama Islam menjadi ahli parlimen dan juga memegang jawatan tinggi dalam pentadbiran kerajaan Kemboja. Pelbagai persatuan Islam telah ditubuhkan untuk menjalinkan hubungan erat di peringkat antarabangsa.

#### **2.4 Strategi Pemantapan Budaya Islam Bangsa Melayu Champa di Kemboja**

Pemantapan budaya Melayu-Champa di Kemboja dilakukan dengan mengembangkan dan memperkukuhkan kefahaman dan amalan agama di kalangan rakyat jelata. Dalam hal ini tiga strategi teras perlu dilaksanakan di Kemboja.

**i) Strategi Pertama: Pendidikan**

Pengembangan ilmu dan institusi pendidikan Islam di Kemboja dikendalikan oleh alim ulama tempatan berlandaskan fahaman akidah ahli sunnah wal-jamaah yang bermazhab Syafie. Perkembangan strategi ini penting untuk teras perpaduan umat Islam di Kemboja. Perkara ini hendaklah dilaksanakan dengan rangkaian sokongan alim ulama nusantara Melayu dari Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan Patani. Dalam hal ini perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu amat penting digunakan dan dikembangkan.

**ii) Strategi Kedua: Politik**

Penglibatan dalam bidang politik adalah daruri untuk umat Islam kerana kuasa politik adalah amat penting untuk memelihara keselamatan dalam sesebuah negara yang umat Islamnya merupakan golongan minoriti. Walaupun begitu alim ulama di Kemboja perlu sentiasa peka bahawa dalam hal-hal ibadat, pihak alim ulama hendaklah bebas daripada pengaruh atau kecenderungan politik tertentu.

**iii) Strategi Ketiga: Ekonomi**

Pemantapan kedudukan ekonomi umat Islam di Kemboja adalah amat penting untuk meneruskan kesinambungan perjuangan umat Islam. Sebagaimana juga rakyat Kemboja yang lain, umat Islam dilanda kemiskinan yang melata. Ini mendedahkan umat Islam kepada bahaya pengaruh agama yang lain yang menjanjikan kemudahan material bagi mereka yang tunduk kepada dakyah mereka. Kemantapan ekonomi hanya dapat disusun jika keseluruhan ekonomi Kemboja boleh dipertingkatkan lagi.

Oleh yang demikian, perubahan budaya umat Islam di Kemboja masih terus berlaku kerana Kemboja terdedah kepada pelbagai pengaruh- pengaruh dalaman dan luaran, samada dari aspek agama, politik dan juga norma kehidupan. Oleh itu, proses pemantapan budaya umat Islam di Kemboja harus bermula dengan pemantapan fahaman

dan amalan agama. Dalam hal ini penubuhan institusi agama serta program-program ilmu di Kemboja perlu dipertingkatkan.

Pegangan agama umat Islam di Kemboja bertambah kuat selepas melalui kesengsaraan semasa pemerintahan regim Khmer Rouge dari tahun 1975 hingga 1979 semakin kuat. Apa yang diperlukan ialah sokongan sementara agar masyarakat Melayu-Champa mampu untuk berdikari sendiri dan menentukan masa depan mereka.

## 2.5 Sejarah Perkembangan Islam Di Kemboja.

Sejarah kedatangan Islam ke Kemboja berkait rapat dengan latar belakang perkembangan Islam di China dan India. Dua kuasa besar tersebut banyak mewarnai perjalanan sistem politik, sosial dan ekonomi negara-negara rantau Asia Tenggara, termasuk Kemboja. Kepesatan hubungan perdagangan antara kedua-dua negara ini yang menjadikan bandar-bandar di sepanjang persisiran pantai Asia Tenggara sebagai pusat-pusat persinggahan dan pertukaran barangan untuk para saudagar mereka, telah meninggalkan pengaruh yang besar ke atas penduduk rantau ini, termasuk dari sudut agama.

Menurut para sejarawan, Islam telah sampai ke persisiran Asia dan India terutamanya, seawal tahun 8H/629M, apabila Rasulullah s.a.w. menghantar utusan-utusan dakwahnya kepada raja-raja besar dunia ketika itu. Hasilnya, masyarakat India di Pulau Malabar, Barat Daya India telah menerima Islam sebagai pegangan hidup mereka semasa hayat Rasulullah s.a.w. lagi. Pada tahun 15H/636M, iaitu di zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al Khattab, masyarakat India di Bombay dan Bahroj pula telah memeluk agama Islam.<sup>1</sup> Antara bukti kedatangan Islam yang begitu awal ke India ialah hadis riwayat al Hakim di dalam kitabnya "*al Mustadrak*", bahawa Abu Said al Khudriyy berkata:

---

<sup>1</sup>Al Dughaym, *Mahmud al sayyid, Muslimu janub sharq asiya al islamiyyah bayn al madiy al mutasamih wa al hadir al tha'ir wa dawr dimashq al ra'id fiy al futuhat al islamiyyah*, <http://www.syriamirror.net/modules/news/article.php?storyid=1510>

(أهدى ملك الهند إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم جرة فيها زنجبيل فأطعم أصحابه  
قطعة قطعة وأطعمني منها قطعة)<sup>2</sup>

Maksudnya: Raja India telah menghadiahkan kepada Rasulullah s.a.w. sebuah bejana yang mengandungi halia, lalu baginda memberikan sahabat-sahabatnya makan daripada halia itu sepotong-sepotong dan aku juga turut mendapat sepotong daripadanya.

Di China pula, sumber-sumber sejarah dari China menyebut bahawa Maharaja Tang II dari Dinasti Tang (4 tahun sebelum Hijrah-295H/618-907M) telah menghantar utusan kepada Rasulullah s.a.w. untuk meminta supaya baginda menghantar pendakwah ke negaranya. Rasulullah s.a.w. telah menyambut baik utusan ini lalu menghantar tiga orang pendakwah bagi memenuhi permintaan maharaja tersebut. Walau bagaimanapun, dua daripada pendakwah ini meninggal dunia semasa menempuh perjalanan yang amat jauh menuju ke negara China. Seorang daripada mereka telah selamat sampai dan Maharaja Tang II telah membina untuknya sebuah masjid dan memberikan sepenuh kebebasan kepada beliau untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat China di bawah pemerintahan baginda.

Semasa pemerintahan Khalifah al Rashidin yang ketiga, °Uthman bin °Affan, iaitu pada tahun 29H/651M, beliau telah menghantar Sahabat Nabi Sa°d bin Abiy Waqqas untuk melawat negeri China dan menyampaikan dakwah kepada Maharaja dan masyarakat di sana. Hasil lawatan tersebut, Maharaja China telah mengarahkan pembinaan sebuah masjid yang besar dan indah di Bandar Canton atau sekarang ini dikenali sebagai Guangzhou.<sup>3</sup> Pada tahun 86H/705M seorang panglima Islam terkenal dari Kerajaan Umawiyah, Qutaibah bin Muslim al Bahiliyy telah memulakan siri pembukaan Islamnya ke atas negara-negara di Asia tengah sehingga sampai ke China

<sup>2</sup>Hadis riwayat al Hakim dalam al Mustadrak, kitab al at°imah, no. 7190. (al Hakim, Muhammad bin °Abd Allāh al Naysābūriyy. *al Mustadrak °alā al sahihayn*).

<sup>3</sup><http://suarajumaat.kym.edu.my/suarajumaat/sanasini2.html>

pada tahun 96H/714M.<sup>4</sup> Setelah melalui beberapa siri rundingan dengan tentera Islam ini, Maharaja Empayar China ketika itu akhirnya bersetuju untuk tunduk dan membayar jizyah kepada Kerajaan Islam Umawiyah.

Pada tahun 134H/752M, kerajaan Abbasiyyah telah menghantar satu bala tentera di bawah pimpinan Ziyad bin Salih untuk menyerang kerajaan China yang cuba mengambil kesempatan daripada kelemahan Empayar Umawiyah di ambang kejatuhannya ke tangan Abbasiyyah, dengan mengkhianati dan menzalimi penduduk Islam di tempat mereka. Ekoran dari kemenangan ini, Islam semakin kukuh bertapak di Negara China serta semakin luas dan pantas tersebar sehingga ke Tanah Tinggi Tibet di sebelah utara, Bangladesh di sebelah selatan, sehinggalah sampai ke Indo China dan seterusnya ke rantau yang dikenali dengan nama Asia tenggara sekarang ini.<sup>5</sup>

Kedatangan Islam ke India dan China juga turut menarik perhatian para saudagar Arab untuk meneroka peluang perdagangan yang ada di kedua-dua buah negara besar ini dan secara tidak langsung rantau Asia Tenggara termasuk Kemboja, menjadi pusat-pusat persinggahan mereka, malah ramai di antara mereka yang terus menetap dan membina kehidupan baru mereka di sini. Kesannya dapat kita lihat sehingga ke hari ini, apabila ramai penduduk-penduduk di rantau ini yang masih memelihara nasab keturunan Arab mereka, walaupun sudah tidak fasih lagi berbahasa Arab. Dari sini, para sejarawan menegaskan bahawa laluan sepanjang persisiran pantai di India dan China termasuk rantau Asia Tenggara telah berada di bawah kekuasaan Islam semenjak dari kurun pertama Hijrah sehinggalah ke kurun ke 4H.<sup>6</sup>

Sebagai contoh, sejarah Burma mencatatkan bahawa Islam telah sampai ke negara ini melalui saudagar-saudagar Arab semenjak kurun pertama Hijrah lagi dan antara tokoh penting yang bertanggungjawab dalam perkembangan ini ialah sahabat

---

<sup>4</sup>Al Dughaym, *Mahmud al sayyid, Muslimu janub sharq asiya al islamiyyah bayn al madiy al mutasamih wa al hadir al tha'ir wa dawr dimashq al ra'id fiy al futuhat al islamiyyah*, <http://www.syriamirror.net/modules/news/article.php?storyid=1510>

<sup>5</sup>Ibid.

<sup>6</sup>Ibid.

Rasulullah s.a.w. sendiri iaitu Waqqas bin Malik.<sup>7</sup> Selain itu, Munif Zariruddin dalam satu tulisannya bertajuk “Perkembangan Bahasa Arab dan Kesannya Kepada Bahasa dan Pemikiran Melayu dalam Era Globalisasi” Menyebut bahawa di negeri Kedah, sebuah batu nisan bertarikh 290H/910M, kepunyaan al Marhum Syeikh Abdul Qadir ibn Husin Syah Alam telah ditemui.<sup>8</sup> Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa Islam telah sampai ke Malaysia semenjak zaman Salaf al Salih lagi.

Walaupun pada zahirnya, kedatangan Islam ke rantau ini kelihatan seperti lebih bermatlamatkan politik dan ekonomi, namun jika diperhalusi dari sudut sejarah, kita akan dapati bahawa hal ehwal umat Islam dan perkembangan dakwah islamiah di sini sebenarnya mendapat perhatian khusus daripada pihak kerajaan Islam ketika itu. Di zaman pemerintahan Mu<sup>‘</sup>awiyah bin Abiy Sufyan r.a. misalnya, beliau telah menghantar utusan-utusan rasmi kepada Kerajaan Majapahit untuk berdakwah kepada mereka, di samping memberikan pendidikan dan pembelaan yang sempurna kepada Umat Islam sedia ada. Amalan ini telah diteruskan oleh khalifah-khalifah Umawiyah lain seperti <sup>‘</sup>Abd al Malik bin Marwan (65-86H/684-705M) dan Sulayman bin <sup>‘</sup>Abd al Malik bin Marwan (96-99H/714-717M) yang sentiasa menghantar utusan-utusan dakwah mereka ke rantau ini dari semasa ke semasa.

Setelah kerajaan Islam berpindah tangan kepada Bani <sup>‘</sup>Abbas, amalan ini juga turut diteruskan sehingga ia menjadi satu tradisi bagi seiapa sahaja yang memegang tampuk pemerintahan. Sejarah juga turut membuktikan bahawa kerajaan-kerjaan Islam semenjak dari zaman para sahabat lagi telah melantik pegawai khas bagi menjaga kepentingan masyarakat Islam di rantau ini.<sup>9</sup> Hakikat di atas menunjukkan kepada kita bahawa kedatangan Islam ke rantau Asia Tenggara ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang terjadi secara kebetulan, sebaliknya ia adalah hasil dari perancangan dan strategi rapi yang telah diusahakan oleh para dai’e sebelum ini dalam menunaikan

---

<sup>7</sup>al Shaykh Din Abu al Bashar, *al Muslimun fiy al Hind al Siniyyah*, <http://www.ajur.net/indochina.htm>

<sup>8</sup>Ibid.

<sup>9</sup>Al Dughaym, *Mahmud al sayyid, Muslimu janub sharq asiya al islamiyyah bayn al madiy al mutasamih wa al hadir al tha’ir wa dawr dimashq al ra’id fiy al futuhat al islamiyyah*, <http://www.syriamirror.net/modules/news/article.php?storyid=1510>

tanggungjawab mereka terhadap perintah Allah S.W.T., bermula dari Rasulullah s.a.w. sendiri sebagai ikutan tertinggi Umat Islam, para sahabat, tabiin, tabi<sup>c</sup> tabiin dan seterusnya para ulama dan mujahidin selepas mereka.

Selain itu, kita juga dapat menyimpulkan bahawa kefahaman serta penghayatan generasi awal masyarakat Islam rantau ini adalah tinggi memandangkan utusan-utusan dakwah dan rombongan-rombongan rasmi dari kerajaan Islam yang ada, sentiasa tiba untuk mendidik, membela dan menjaga hal ehwal serta kebajikan mereka.

## 2.6 Kemasukan Islam Di Kemboja

Dalam konteks negara Kemboja, fakta sejarah menyebut bahawa sepanjang pemerintahan Dinasti Tang yang merupakan salah satu era gemilang perkembangan Islam di China,<sup>10</sup> Islam telahpun tersebar di sebahagian besar daratan Indo China.<sup>11</sup> Walau bagaimanapun kebanyakan para pengkaji sering kali mengaitkan kedatangan Islam ke Kemboja dengan Kerajaan Champapa yang terdiri semenjak abad ke 2 hingga abad ke 17 Masihi.<sup>12</sup> Kekuasaan kerajaan ini membentang di sepanjang persisiran pantai, bahagian tengah dan selatan Indo China yang sekarang ini termasuk di dalam wilayah Vietnam.<sup>13</sup> Para pengkaji ini berpendapat bahawa Islam telah tersebar dalam masyarakat Melayu Champapa pada kurun ke 11M/4H dan komuniti tersebut ketika itu memainkan peranan penting dalam hal ehwal pentadbiran dan pemerintahan kerajaan. Ini berikutan penemuan dua buah batu bersurat (prasasti) berbahasa Arab yang berasal dari Muslim Champapa pada tahun 1000 Masihi/390H atau awal abad ke-11M/4H.<sup>14</sup>

<sup>10</sup><http://suarajumaat.kym.edu.my/suarajumaat/sanasini2.html>

<sup>11</sup><http://kpdj.isnet.org/yimsa/docs/vol2/jalan.html>

<sup>12</sup>Lihat sebagai contoh:

<http://kpdj.isnet.org/yimsa/docs/vol2/jalan.html>, <http://www.geocities.com/pashkeli/muslims-kambodia>, [http://www.korbanaiqah.com.my/islam\\_Champapa.html](http://www.korbanaiqah.com.my/islam_Champapa.html) <http://www.islamuda.com/?imud=rubrik&menu=komentar&kategori=5&id=264>

<sup>13</sup><http://www.jphpk.gov.my/Malay/Dis03%2026j.htm>, <http://kpdj.isnet.org/yimsa/docs/vol2/jalan.html>

<sup>14</sup>Lihat: <http://kpdj.isnet.org/yimsa/docs/vol2/jalan.html>, <http://www.geocities.com/pashkeli/muslims-kambodia>, [http://www.korbanaiqah.com.my/islam\\_Champapa.html](http://www.korbanaiqah.com.my/islam_Champapa.html), <http://www.islamuda.com/?imud=rubrik&menu=komentar&kategori=5&id=264>

Kenyataan ini turut disokong oleh beberapa fakta lain, antaranya fakta dari sesetengah rujukan berkaitan, yang menyebut bahawa Islam mula sampai ke persisiran pantai Indo China dan wilayah-wilayah dalam Kerajaan Champapa pada kurun ke 4H/11M, apabila kerajaan <sup>c</sup>Abbasiyyah menempuh zaman kelemahan dan kemerosotan akibat dari berbagai krisis dalaman sehingga menyebabkan gerakan pembukaan Islam secara ketenteraan terhenti. Para ulama serta pendakwah mengambil kesempatan daripada kepesatan hubungan perdagangan luar sebagai satu alternatif untuk meneruskan tanggungjawab dakwah mereka, selain dari keberkesanan kaedah hubungan perdagangan itu sendiri dalam menarik minat masyarakat untuk menerima Islam sebagai agama mereka.

Pendekatan dakwah yang dibawa melalui para saudagar muslim nyata berkesan apabila semakin hari semakin ramai masyarakat setempat yang menerima Islam, malah ada di antara saudagar-saudagar terbabit terutama dari negara Arab, yang berkahwin dengan masyarakat tempatan dan terus menetap bersama keluarga baru mereka. Fakta sejarah juga menyebut bahawa salah seorang raja Champa dalam tempoh itu telah mengahwinkan seorang anak perempuannya dengan seorang saudagar Arab dan bermula dari situlah pengaruh Islam semakin meluas dalam kerajaan Champa sehingga akhirnya bertukar menjadi sebuah kerajaan Islam.<sup>15</sup> Antara bukti yang boleh menyokong fakta ini ialah penemuan sebuah batu nisan yang bertarikh 431H/1039M di Phan-Rang, Vietnam (dahulunya termasuk dalam Wilayah Selatan Champapa).<sup>16</sup>

Kedudukan Melayu Champapa menjadi kukuh dan Islam tersebar dengan meluas apabila seorang raja Champapa memeluk Islam sekitar tahun 1016H/1607M dan 1087H/1676M.<sup>17</sup> Ekoran dari itu, catatan sejarah menunjukkan bahawa pada tahun 1086H/1675M, hampir keseluruhan rakyat Champapa telahpun memeluk agama Islam.<sup>18</sup>

---

<sup>15</sup><http://www.attajdid.ma/tajdid/DETAIL.ASP?Articleid=8648>,<http://www.islammemo.cc/Historydb/PrintNews.asp?IDnews=71>

<sup>16</sup>Munif Zariruddin Fikri Nordin, *Perkembangan Bahasa Arab dan Kesannya Kepada Bahasa dan Pemikiran Melayu dalam Era Globalisasi*, <http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa21/jan/j01fok1c.html>

<sup>17</sup><http://kpdi.isnet.org/yimsa/docs/vol2/jalan.html>

Kejayaan Umat Islam menguasai kerajaan Champapa telah mengundang rasa irihati penduduk-penduduk Budha Vietnam yang ketika itu menetap di bahagian utara Indo China. Mereka berusaha untuk menguasai kerajaan Champapa dan melumpuhkan kekuatan masyarakat Melayu Champapa dari semasa ke semasa. Hasilnya, sedikit demi sedikit wilayah-wilayah di bawah kerajaan Champapa jatuh ke tangan mereka sehinggalah mereka berjaya menguasai sepenuhnya kerajaan ini pada akhir abad ke 12H/17M.<sup>19</sup>

Semenjak itu, masyarakat Islam Melayu Champapa telah berhijrah ke beberapa wilayah tetangga lain seperti Terengganu, Kemboja, Pattani, Borneo, China dan lain-lain.<sup>20</sup> Raja Champapa yang terakhir bersama pembesar-pembesar kerajaannya ketika itu telah berpindah ke sebuah daerah pedalaman yang sekarang ini terletak di selatan Negara Kemboja. Daerah tersebut sehingga kini dikenali sebagai Kampong Champa.<sup>21</sup> Selain mereka, terdapat kira-kira satu juta masyarakat Melayu Champa turut berhijrah dan menetap di beberapa perkampungan di Kemboja dengan membawa syiar agama, adat resam serta tamadun mereka dalam satu bentuk jalinan yang kukuh dan tersusun antara satu sama lain.<sup>22</sup>

Pada tahun 1642M/1052H Putera Raja Khmer, Ponhea Chan telah memeluk Agama Islam dan memakai nama Ibrahim, setelah beliau berjaya menaiki takhta Kemboja dengan bantuan golongan Islam. Walau bagaimanapun musuh-musuh baginda dan Islam tidak berpeluk tubuh melihat perkara itu. Beliau akhirnya digulingkan dengan bantuan Raja Vietnam dan dipenjarakan sehingga mati di Hue, Vietnam pada tahun

---

<sup>18</sup>[http://www.korbanaqiah.com.my/islam\\_Champapa.html](http://www.korbanaqiah.com.my/islam_Champapa.html)

<sup>19</sup><http://kpdi.isnet.org/yimsa/docs/vol2/jalan.html>, <http://www.attajdid.ma/tajdid/DETAIL.ASP?Articleid=8648> , Muhammad 'Uthman El-Muhammady, Islam dan pembinaan peradaban di kawasan timurlaut, [http://www.geocities.com/traditionalislam/Islam\\_PembinaanPeradaban\\_dikawasan\\_timurlaut.ht](http://www.geocities.com/traditionalislam/Islam_PembinaanPeradaban_dikawasan_timurlaut.ht)

<sup>20</sup><http://kpdi.isnet.org/yimsa/docs/vol2/jalan.html>, <http://www.jphpk.gov.my/Malay/Dis03%2026j.htm>

<sup>21</sup> <http://kpdi.isnet.org/yimsa/docs/vol2/jalan.html>

<sup>22</sup><http://www.noo-problems.com/vb/showthread.php?s=&threadid=20502> , <http://www.jphpk.gov.my/Malay/Dis03%2026j.htm>

1650M/1061H.<sup>23</sup> Umumnya, dapatlah disimpulkan di sini bahawa Teori yang dibawa oleh para pengkaji ini menerangkan kepada kita bahawa hasil dari penghijrahan Masyarakat Melayu Champapa inilah Islam mula bertapak di Kemboja iaitu sekitar kurun ke 16M/11H dan 17M/12H.

Dalam membincangkan mengenai kedatangan Islam ke Kemboja, perlu juga ditegaskan bahawa fakta sejarah menjelaskan kepada kita bahawa selain dari masyarakat Melayu Champapa, terdapat juga beberapa kelompok atau etnik masyarakat telah menganut agama Islam, sebelum kedatangan Masyarakat Melayu Champa ke Kemboja, misalnya masyarakat Melayu Jawa yang berasal dari kepulauan Indonesia dan Malaysia.<sup>24</sup> Menurut sesetengah sumber, sebelum kedatangan masyarakat Melayu Champa, Islam telahpun tersebar di kalangan penduduk-penduduk di Kemboja semenjak kurun ke 8H/629M.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun, berdasar kepada sejarah kedatangan Islam di Asia Tenggara dan Indo China khususnya penulis berkeyakinan bahawa Islam telah sampai ke Kemboja jauh lebih awal dari itu. Ini adalah berdasar kepada kedudukannya yang strategik terutama bahagian selatannya yang terletak di Teluk Thailand yang amat sesuai sebagai tempat persinggahan kapal-kapal dagangan yang melalui jalan perdagangan antara China dan India.

Selain itu, setelah kita mengetahui bahawa dakwah Islamiah telah sampai ke Rantau Asia Tenggara melalui satu usaha dakwah yang tersusun, semenjak kurun pertama Hijrah, adalah mustahil bagi utusan-utusan dakwah terbabit membiarkan sahaja masyarakat yang ada di Kemboja tanpa sebarang usaha untuk menarik mereka kepada Islam, setelah mereka berjaya menyampaikan ajaran Islam kepada Masyarakat Melayu Champapa sekurang-kurangnya pada kurun ke 4H.

Walaupun merupakan golongan minoriti di Kemboja, masyarakat Islam di sini hidup dalam keadaan baik selama beberapa kurun, semenjak awal kedatangan Islam

---

<sup>23</sup>[http://www.korbanaiqah.com.my/islam\\_Champapa.html](http://www.korbanaiqah.com.my/islam_Champapa.html), <http://www.erasoslem.com/br/as/28/3213,1,v.html>

<sup>24</sup>al Yamaniyy, Nasir al cArawiyy, al Muslimun al mansiyyun fiy Kambudiya, al Bayan, Jamadul Akhir 1425H/Ogos 2004M, Bil. 202, <http://www.albayan-magazine.com/bayan-202/bayan-20.htm>

<sup>25</sup> <http://www.noo-problems.com/vb/showthread.php?s=&threadid=20502>

sehinggalah ke era pemerintahan Regim Pol Pot. Mereka bebas mengamalkan kewajipan Islam, menegakkan syiar Islam dan mempertahankan adat budaya serta warisan mereka, seperti penggunaan bahasa ibunda yang banyak melambangkan jatidiri Islam mereka, pendidikan Islam di institusi-institusi pengajian yang mereka asaskan dan sebagainya. Mereka tinggal di perkampungan-perkampungan yang dikenali di kalangan masyarakat tempatan sebagai pekampungan Masyarakat Islam. Setiap kampung dipimpin oleh seorang ketua yang merupakan seorang yang paling alim di kalangan mereka dalam bidang agama.

Setiap ketua bertanggungjawab menjaga kebajikan para penduduk, melantik para imam dan khatib serta memelihara hal ehwal Islam di tempat masing-masing seperti urusan nikah kahwin, pembahagian harta pusaka, perjalanan urusan ibadat seperti puasa, haji, hari raya dan sebagainya. Setiap kampung ini pula mempunyai ikatan antara satu sama lain di bawah satu kesatuan yang bertanggungjawab mentadbir dan menguruskan hal ehwal Umat Islam di Kemboja secara keseluruhan.<sup>26</sup> Menurut laporan, sehingga awal tahun 1970an jumlah penduduk Islam di Kemboja adalah kira-kira 700, 000 orang dan terdapat kira-kira 122 buah masjid, 200 buah surau, 300 buah sekolah agama dan pusat-pusat tahfiz al-Quran.<sup>27</sup> Sepanjang penyelidikan ini, tidak ditemui sebarang catatan atau bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat minoriti Islam di Kemboja terpaksa menempuh zaman penindasan atau kezaliman yang teruk kecuali di zaman pemerintahan Regim Pol Pot.

## **2.7 Keadaan Masyarakat Islam Kemboja Di Zaman Pemerintahan Regim Pol Pot**

Antara tahun 1974-1979M, Kemboja telah jatuh ke tangan Regim Komunis Khmer Merah pimpinan Pol pot. Seperti di sesetengah negara lain yang turut terpengaruh dengan ideologi Komunis ketika itu, rejim ini membawa slogan pembaharuan dalam bidang pertanian dan menghapuskan hak milik peribadi.<sup>28</sup> Matlamat utama mereka ialah

<sup>26</sup><http://www.noo-problems.com/vb/showthread.php?s=&threadid=20502>

<sup>27</sup>[http://www.islamtoday.net/articles/show\\_articles\\_content.cfm?id=102&catid=105&artid=851](http://www.islamtoday.net/articles/show_articles_content.cfm?id=102&catid=105&artid=851)

<sup>28</sup>al Yamaniyy, *al Muslimun al mansiyyun fiy Kambudiya*, al Bayan, Jamadul Akhir 1425H/Ogos 2004M, Bil. 202, <http://www.albayan-magazine.com/bayan-202/bayan-20.htm>,

untuk menegakkan sebuah negara pertanian komunis contoh, di Asia Tenggara.<sup>29</sup> Rakaman sejarah menunjukkan bahawa sebaik sahaja mengambil alih tampuk pemerintahan, Rejim ini telah melakukan berbagai penindasan, penyeksaan bahkan pembunuhan yang amat dahsyat ke atas rakyat Kemboja, khususnya masyarakat beragama Islam dan budha.

Sepanjang tempoh ini sekurang-kurangnya 2 juta rakyat Kemboja menjadi korban pembunuhan kejam tentera Pol Pot dan 500 000 daripadanya adalah orang Islam.<sup>30</sup> Antara bentuk kekejaman yang telah dilakukan oleh Rejim Pol Pot seperti yang dicatatkan oleh para pengkaji ialah:]

- i. Memaksa semua rakyat bekerja di ladang-ladang pertanian di segenap pelusuk negeri dan membunuh sesiapa sahaja yang ingkar bersama ahli keluarga masing-masing.
- ii. Memaksa rakyat melakukan kerja-kerja berat tanpa sebarang ganjaran atau makanan yang mencukupi sehingga ramai yang mati kerana kelaparan dan kepenatan.
- iii. Membunuh dengan kejam pekerja-pekerja yang sakit atau sudah tidak mampu untuk mengikut perintah dan arahan mereka.
- iv. Memisahkan antara ahli sesuatu keluarga dengan menghantar mereka ke tempat-tempat yang berasingan dan berjauhan antara satu sama lain.
- v. Mencampuradukkan antara penduduk-penduduk di perkampungan Islam dengan penduduk dari perkampungan lain serta memaksa penduduk-

---

<sup>29</sup>Falbi, Batrick, *Kayf nuqim tatawwur nizam al cadalah al dawliyyah? Dhikra madhabih al khmir al humur fiy kambudiya*, al Sharq al awsat, 14 Rabiul Awal 1426H/22 April 2005, bil. 9642, <http://www.asharqalawsat.com/details.asp?section=45&article=294948&issue=9642>

<sup>30</sup><http://www.islamuda.com/?imud=rubrik&menu=komentar&kategori=5&id=264>,  
<http://www.geocities.com/pashkeli/muslims-kambodia>,  
[http://www.islamtoday.net/articles/show\\_articles\\_content.cfm?id=102&catid=105&artid=851](http://www.islamtoday.net/articles/show_articles_content.cfm?id=102&catid=105&artid=851)

- penduduk Islam lelaki dan wanita supaya berkahwin dengan penduduk-penduduk bukan Islam.
- vi. Memaksa orang Islam supaya makan daging khinzir, minum arak dan makan di sebuah kantin yang disediakan untuk semua rakyat tanpa mengira agama, sesiapa yang ingkar akan dibunuh.
  - vii. Menghalang orang Islam daripada menunaikan amal ibadat dan kewajipan mereka seperti solat , puasa, membaca al Quran dan sebagainya.
  - viii. Merobohkan sebahagian dari masjid-masjid yang ada manakala sebahagian yang lain pula dijadikan kandang khinzir, stor untuk menyimpan senjata, hasil tanaman, peralatan pertanian dan sebagainya.
  - ix. Menghalang wanita-wanita Islam daripada memakai tudung dan menutup aurat, malah rambut mereka dipotong pendek dan semua rakyat dipaksa memakai satu bentuk pakaian yang tertentu tanpa mengira lelaki atau wanita, sama seperti pakain seragam tentera.
  - x. Menghalang orang Islam dari bercakap menggunakan bahasa ibunda mereka, yang banyak mempunyai hubungkait dengan nilai-nilai agama mereka.
  - xi. Memusnahkan sebahagian daripada tempat-tempat ibadah para penganut agama Budha dan sesetengahnya dijadikan sebagai tempat pengkebumian beramai-ramai bagi mangsa-mangsa kekejaman mereka.
  - xii. Menutup sekolah-sekolah dan semua jenis pusat pendidikan yang ada serta membunuh para guru, pakar-pakar dalam bidang tertentu serta golongan cerdik pandai yang ada, terutama dari kalangan ulama Islam, pemimpin-pemimpin mereka dan sesiapa sahaja yang berkhidmat di sekolah-sekolah Islam.

**RUJUKAN**

Al Dughaym, Mahmud al sayyid. 1420H/2000. *Muslimu janub sharq asiya al islamiyyah bayn al madiyah al mutasamih wa al hadir al tha'ir wa dawr dimashq al ra'id fiy al futuhat al islamiyya.*, Beirut: Dār al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.

Khairul Anuar Mohamad (Ketua Penyelidik). 2005. *Laporan Pengurusan Fatwa di Singapura*. Kolej Universiti Islam Malaysia .

Falbi, Batrick, *Kayf nuqim tatawwur nizam al cadalah al dawliyyah? Dhikra madhabih al khmir al humur fiy kambudiya*, al Sharq al awsat, 14 Rabiul Awal 1426H/22 April 2005. bil. 9642.

al Yamaniyy, Nasir al cArawiyy. *al Muslimun al mansiyyun fiy Kambudiya, al Bayan*, Jamadul Akhir 1425H/Ogos 2004M. Bil. 202.

<<http://www.albayan-magazine.com/bayan-202/bayan-20.htm>>

Sohibu Samahah Okhna Tuan Haji Kamaruddin bin Yusof. *Mufti Negara Kemboja*. (Temuramah). 6 Oktober 2004.

YB. Tuan Haji Zakariyya bin Adam. *Timbalan Menteri Agama Negara Kemboja*. (Temuramah). 14 Julai 2005.

bersama Tuan Haji Abdul Wahid bin Abdullah dan En. Yusoff bin Ahmad al-Saghir. *Pegawai Khas Mufti Negara Kemboja*. (Temuramah). 16 & 17 Julai 2005

Hadis riwayat al Hakim dalam al Mustadrak, kitab al at'imah, no. 7190. (al Hakim, Muhammad bin cAbd Allāh al Naysābūriyy. *al Mustadrak c'alā al sahihayn* <<http://www.syriamirror.net/modules/news/article.php?storyid=1510>>

al Shaykh Din Abu al Bashar, *al Muslimun fiy al Hind al Siniyyah*, <<http://www.ajjur.net/indochina.htm>>

Munif Zariruddin Fikri Nordin. *Perkembangan Bahasa Arab dan Kesannya Kepada Bahasa dan Pemikiran Melayu dalam Era Globalisasi*. <<http://dbp.gov.my/dbp98/majalah/bahasa21/jan/j01fok1c.html>>

Muhammad 'Uthman El-Muhammady. *Islam dan pembinaan peradaban di kawasan timur laut*.

<[http://www.geocities.com/traditionalislam/Islam\\_PembinaanPeradaban\\_dikawasan\\_timurlaut.htm](http://www.geocities.com/traditionalislam/Islam_PembinaanPeradaban_dikawasan_timurlaut.htm)>

Ibadat Korban Akikah Di Kemboja.

<[http://www.korbanaqiqah.com.my/islam\\_Champapa.html](http://www.korbanaqiqah.com.my/islam_Champapa.html)>

*c* *Alam Bila* Musykilat.

<<http://www.noo-problems.com/vb/showthread.php?s=&threadid=20502>>

*Mazabih fii Kambudia.*

<<http://www.asharqalawsat.com/details.asp?section=45&article294948&issue=9642>>

*al-Muslimun fii Kambudia.*

<[http://www.islamtoday.net/articles/show\\_articles\\_content.cfm?id=102&catid=105&articleid=851](http://www.islamtoday.net/articles/show_articles_content.cfm?id=102&catid=105&articleid=851)>

# LAMPIRAN



Gambar 1 : Proses temuramah bersama Mufti Kemboja (Okhna Kamaruddin Hj. Yusof) bersama ahli Majlis Fatwa Kemboja pada 15. Julai. 2005 di Pejabat Mufti Kemboja.



Gambar 2 : Pemberian cenderahati dari para penyelidik KUIM kepada Mufti di Pejabat Mufti Kemboja.




Gambar 3 : Proses temuramah bersama Timbalan Menteri Keagamaan Kemboja (Y.B. Zakariyya Adam) pada 14. Julai. 2006 di Pejabat Keagamaan Kemboja.




Gambar 4 : Pemberian cenderahati dari para penyelidik KUIM kepada Timbalan Menteri Keagamaan Kemboja (Y.B. Zakariyya Adam).



Gambar 5 : Sumbangan dari KUIM kepada Mufti Kemboja untuk disalurkan kepada masyarakat Islam Kemboja.



Gambar 6 : Suasana ruang pentadbiran di pejabat Mufti Kemboja.



Gambar 7 : Mufti sedang memberikan penerangan semasa proses temuramah.



Gambar 8 : Sebahagian daripada bahan rujukan yang menjadi rujukan oleh ahli Majlis Fatwa Kemboja.



Gambar 9 : Barisan tenaga pengurusan pentadbiran di Pejabat Mufti Negara Kemboja.



Gambar 10 : Pemandangan dari hadapan di Pejabat Mufti Kemboja



Gambar 11 : Masjid yang pertama didirikan di Negara Kemboja iaitu Masjid Beung Kok.